

**SYARAT DAN KRITERIA PENGIKTIRAFAN STAF**  
**PUSAT PENGETAHUAN, KOMUNIKASI & TEKNOLOGI (PPKT)**  
**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)**

**Objektif**

- Memberi penghargaan kepada staf PPKT yang layak berdasarkan syarat dan kriteria.
- Merangsang ke arah budaya kerja cemerlang di kalangan warga PPKT.

**Kelayakan**

Penyertaan terbuka kepada semua staf (secara individu mahupun secara berkumpulan) di PPKT bagi ketiga-tiga kampus sama ada secara tetap, sambilan atau kontrak.

**Peraturan**

1. Penyertaan hendaklah daripada Ketua jabatan atau Pegawai Penilai Pertama, Pegawai Penyelia, atau pencalonan oleh diri sendiri (dengan pengesahan oleh Pegawai Penyelia Pertama).
2. Terbuka kepada semua staf USM dari Skim F yang sedang dan pernah bertugas di PPKT serta staf Skim N, Skim B dan Skim J yang sedang bertugas di PPKT bagi ketiga-tiga kampus.
3. Penyertaan boleh dibuat sama ada secara individu mahupun secara berkumpulan.
4. Pengiktirafan akan diberi setahun sekali.
5. Pencalonan boleh dibuat lebih daripada seorang untuk setiap bahagian/unit pada sesuatu masa.
6. Inovasi/kreativiti hendaklah asli dan belum pernah dipertandingkan di mana-mana peringkat.
7. Kakitangan yang telah dijatuhi tindakan tatatertib hanya boleh dicalonkan selepas lebih dari setahun hukuman dijatuhkan.
8. Kakitangan yang sedang dalam siasatan kerana salah laku sama ada pihak berkuasa dalam atau luar USM tidak dibenarkan dicalonkan atau mencalonkan diri sendiri.
9. Tiada sebarang bayaran dikenakan untuk penyertaan.
10. Borang penyertaan yang lengkap hendaklah diisi dan dikembalikan sebelum atau selewat-lewatnya pada 10 Januari setiap tahun bagi penilaian tahun sebelumnya.
11. Keputusan adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.
12. Penerima anugerah akan diumumkan semasa Taklimat CIO.
13. Jawatankuasa berhak mengumumkan bahawa tiada calon yang layak diumumkan sebagai pemenang pada sesuatu tempoh jika didapati tiada calon yang memenuhi kriteria.
14. Tiada kaedah penggiliran pemenang.
15. Jawatankuasa berhak, apabila difikirkan sesuai, menukar jenis hadiah, terma dan syarat dari semasa ke semasa.

## **Kategori**

Terbuka kepada staf USM (secara individu mahupun secara berkumpulan) dari Skim F yang sedang dan pernah bertugas di PPKT serta staf Skim N, Skim B dan Skim J yang sedang bertugas di PPKT bagi ketiga-tiga kampus.

## **Kriteria/Penilaian**

- i. Rekod Kehadiran yang baik.
- ii. Komunikasi yang baik dengan pelanggan dan rakan sekerja.
- iii. Inovasi/kreativiti mereka cipta satu penemuan baru/cadangan baru yang boleh memberi impak dalam tugas harian staf tersebut.

Contoh Inovasi yang layak diambilkira:

- i. Penjimatan kos (kertas dan utiliti lain);
- ii. Memudahkan proses kerja dengan penciptaan alat/sistem/aplikasi dalam melaksanakan kerja harian;
- iii. Proses Kerja/SOP baru yang dapat meningkatkan produktiviti staf khususnya dan PPKT amnya; dan
- iv. Inovasi/Kreativiti Rekacipta lain yang layak dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Budaya Kerja Cemerlang.

## **Hadiah/Pengiktirafan**

- Sijil
- Wang Saguhati/Hadiah (Percutian/Baucer/Wang Tunai)
- Cenderahati
- Bergambar bersama-sama CIO, Penyelia, Ketua Unit dan Ketua Seksyen.

Gambar pemenang akan dipamerkan di papan kenyataan, hebahan e-mel warga PPKT dan laman sesawang <http://enovate.usm.my>